

## **Tak label Hamas pengganas, Malaysia terima 3 notis dari AS**

**FREE MALAYSIA TODAY**

**October 31, 2023**

**Mohamad Fadli**

KUALA LUMPUR: Putrajaya menerima tiga notis tata tindak daripada Kedutaan Amerika Syarikat (AS) kerana keengganan Malaysia menganggap Hamas sebagai kumpulan pengganas, kata Perdana Menteri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, notis yang dipanggil “demarche” itu diterima Kementerian Luar masing-masing pada 13, 18 dan 30 Okt lalu.

“Oleh kerana keengganan kita untuk membantah tindakan Hamas dan tidak menganggap Hamas sebagai pengganas...saya juga mendapat maklumat dan (diberitahu) Kementerian Luar sudah menerima ‘demarche’ iaitu tata tindak daripada kedutaan AS sebanyak tiga kali

“Ia disebabkan pendirian terutama keengganan kita menganggap Hamas sebagai badan pengganas,” katanya dalam Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

Selain menerima tiga notis daripada Kedutaan AS itu, perdana menteri berkata duta besar Malaysia di Washington juga dipanggil oleh Jabatan Negara AS dan ditekan mengenai pendirian Putrajaya terhadap isu Palestin.

Walaupun menerima pelbagai ugutan dan amaran daripada pelbagai pihak, Anwar menegaskan Malaysia tidak akan tunduk pada tekanan.

Anwar sebelum ini mendedahkan menerima banyak ugutan daripada negara luar, susulan ketegasan Malaysia mempertahankan nasib rakyat Palestin.

Bagaimanapun beliau tidak menyatakan negara tersebut.

“Kita adalah antara negara terkehadapan memperjuangkan isu Palestin.

“Pendirian tegas Malaysia turut dikongsi bersama 119 negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) semasa mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan PBB pada 27 Okt lalu,” katanya.

**Copyright © 2009 – 2023 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved.**

Sources:

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/31/tak-iktiraf-hamas-pengganas-malaysia-terima-2-notis-dari-as/>